
Strategi Mengurus Keupayaan Berfikir Pelajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Noor Rohana Mansor
Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Malaysia

ABSTRACT

The importance of questioning and answering has its own role and function in the national education curriculum towards mastering effective thinking skills among students. Questioning and answering has its own function to determine the level of student's thinking ability and leads them towards productive learning. However, based on the previous report, it shows that students failed to master questioning at the higher cognitive level in Malay Language namely at the higher secondary level. Students had difficulties in understanding the questions and the task as well as answering questions. The findings from the previous research on the analysis of curriculum materials in teaching and learning of Malay Language, depicted that the exposure to the questions at different cognitive levels are still restricted and can't even stimulate the ability of students' thinking towards various thinking level. Consequently, teachers should plan strategies to enhance students' thinking ability especially in language teaching and learning and further integrate in the curriculum. The purpose of this article is to reveal the usage of questions with the different cognitive level in the effort to manage and form students' thinking ability at the various level of thinking in the teaching and learning of Malay Language.

Keywords: *thinking ability, cognitive level, language teaching and learning*

Berfikir digerakkan oleh soalan dan soalan berfungsi untuk menggerakkan insan ke arah upaya untuk berfikir. Kenyataan ini menjurus kepada kepentingan aspek soalan dan penyoalan yang mempunyai fungsi dan peranannya dalam kurikulum pendidikan negara ke arah membentuk penguasaan kemahiran berfikir secara berkesan dalam kalangan pelajar. Kenyataan Sanders (1966) telah menegaskan bahawa soalan-soalan yang baik dan berkesan memperlihatkan tahap pemikiran yang luas dan dibentuk menggunakan aras pemikiran yang berbeza serta dapat mengarahkan pelajar kepada pembelajaran. Soalan juga dapat menilai status pemikiran pelajar dan tidak lagi sekadar menguji kefahaman semata-mata seperti yang dikonsepsikan selama ini.

Dari sudut prosesnya, untuk menjana pelajar ke arah berfikir, kalangan pendidik seharusnya bijak dalam mengemukakan soalan-soalan dengan pelbagai aras kognitif yang dapat merangsang fikiran pelajar serta mencorakkan pemikiran mereka. Tegasnya, soalan menjadi alat untuk

menilai pemikiran dan penggunaan soalan secara berkesan dapat merangsang pemikiran pelajar kepada pembelajaran yang lebih produktif serta mengaktifkan keupayaan berfikir mereka dalam mencari alternatif dan resolusi permasalahan.

Kenyataan ini memberi kesan yang mendalam kepada pendidik sebagai pelaksana kurikulum pendidikan agar berupaya membentuk dan mengaplikasikan soalan yang berkualiti kepada para pelajar. Ini demikian kerana, penggunaan soalan perlu ditafsirkan dari perspektif yang lebih meluas dan pelbagai. Penggunaan soalan dan pertanyaan dalam konteks pendidikan bukan hanya untuk menguji kefahaman pelajar semata-mata. Jika konsep ini yang dibentuk, bermakna tafsiran pendidik hanya dari perspektif yang sempit. Malah, lebih jauh daripada itu soalan-soalan yang dibina dengan pelbagai aras kognitif dan digunakan dengan perancangan rapi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran akan dapat membentuk paradigma pemikiran yang pelbagai dalam kalangan pelajar serta berupaya menghasilkan pembelajaran yang

lebih berkesan. Selanjutnya implementasi ini akan memberi kesan kepada pembangunan aset modal insan yang cemerlang, gemilang juga terbilang prestasinya jika pelajar-pelajar mampu menguasai dan mengurus pemikiran secara terbaik untuk menangani kepelbagaian situasi.

Fokus Permasalahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Fakta pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu secara khusus melalui analisis laporan prestasi pelajar beberapa tahun kebelakangan yang lepas oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam pencapaian Bahasa Melayu peringkat menengah atas dijelaskan masih gagal terutamanya untuk menguasai bentuk-bentuk soalan pada aras kognitif tinggi. Pembinaan minda pelajar dalam menghadapi soalan yang pelbagai aras kognitif masih lemah. Pemilihan soalan pada aras rendah bagi mereka ternyata lebih selamat berbanding soalan-soalan berbentuk fakta, analisis, komen serta penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis (Wan Zahid Mohd Noordin, 1997).

Antara fokus kelemahan pelajar adalah:

- a. Soalan penulisan: Tumpuan pelajar rata-rata cenderung menjawab soalan-soalan mudah dari jenis pengalaman berbanding soalan fakta dan pentakrifan.
- b. Soalan rumusan: Pelajar gagal merumuskan petikan dengan memuaskan. Kekurangan pelajar ialah, rumusan tiada pendahuluan dan penutup serta gagal menyatakan isi-isi tersurat dan tersirat dengan contoh yang tepat.
- c. Soalan kefahaman: Beberapa kelemahan telah dikenal pasti iaitu pelajar gagal memahami kehendak tugas soalan; tidak faham pertanyaan 'siapa', 'mengapa', 'apakah bukti-bukti...', 'katakanlah anda...' dan gagal memberikan isi-isi mengikut keperluan pertanyaan soalan dan penyoalan.

Berasaskan fakta ini juga pelajar-pelajar tegasnya, masih belum mempunyai kerangka konseptual yang jelas dalam menghasilkan jawapan secara kritis. Jawapan-jawapan gagal dikembangkan dengan baik dan penjelasan isi secara tersurat dan tersirat masih lemah. Para pelajar juga masih gagal memahami tugas

soalan serta kehendak frasa penyoalan yang menjadi tunjang bagi setiap pertanyaan. Ini seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pertanyaan, meleret-leret dan tidak tepat.

Kegagalan ini jelas menegaskan bahawa implementasi kurikulum pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu masih gagal meningkatkan kefahaman minda pelajar untuk menguasai soalan-soalan yang pelbagai aras kognitif. Pembinaan dan pembangunan kognitif pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa masih kurang diberi pendedahan dan persediaan untuk menghadapi pelbagai bentuk pertanyaan. Ini juga bermakna pelaksanaan pendidikan masih belum berjaya memenuhi kehendak objektif kurikulum pendidikan negara untuk mengembangkan dan meningkatkan daya intelek serta pemikiran rasional, kritis dan kreatif kepada para pelajar. Keadaan ini menegaskan supaya kalangan pendidik perlu lebih komited untuk bertindak melahirkan pelajar yang terbentuk pemikirannya kepada kepelbagaian aras kognitif serta dapat menangani dan menjelaskan kepelbagaian alasan dalam setiap pertanyaan dengan mantap dan berkesan.

Dapatan Kajian Lepas Berhubung Pendedahan Kepelbagaian Aras Kognitif Soalan dan Kesannya Kepada Keupayaan Berfikir Pelajar

Kepentingan aspek aras kognitif soalan dapat dilihat kebenarannya melalui kajian-kajian lepas. Antaranya, kajian tentang aspek aras kognitif soalan sama ada dalam aplikasi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mahupun dalam bahan kurikulum terutamanya buku teks dan buku kerja yang telah diselidiki, rata-rata membuktikan penggunaan soalan-soalan pada aras rendah yang memerlukan ingatan pelajar menjadi tumpuan berbanding soalan-soalan pada aras kognitif tinggi, yang telah diabaikan (Guszak, 1967; Roger, 1973; De La Cruz, 1971; Marohaini Yusoff, 1989, Noor Rohana Mansor, 1996; 2004; dan Rawadie, 1998). Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar masih tidak mendapat pendedahan dan rangsangan kognitif yang sewajarnya sebagai persediaan dalam menghadapi situasi peperiksaan. Keadaan ini telah menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menjawab soalan dengan mantap dan berkesan seperti yang dilaporkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan berbilang tahun.

Kajian-kajian berhubung korelasi di antara soalan dengan jawapan pelajar juga telah menghasilkan dapatan yang pelbagai. Antaranya, Wilson (1973) menjelaskan aras kognitif soalan memberi kesan ke atas tindak balas jawapan pelajar di mana kepelbagaian kognitif dalam jawapan pelajar ditentukan sebahagian besarnya oleh kepelbagaian soalan yang diberi. Cole dan Williams (1973), Smith (1978) dan Dillon (1981) telah mendapati soalan pada aras mengecam dan mengingat yang mempunyai tahap kesukaran rendah, umumnya mendapat jawapan pendek daripada soalan pada aras tinggi yang memerlukan pelajar memberikan pendapat dan inferensi. Begitu juga Ruddel (1974) yang melihat pertalian di antara proses kognitif dengan kepelbagaian aras soalan membuktikan, soalan pada aras kognitif tinggi seperti inferens dan aplikasi merangsang proses kognitif yang lebih tinggi berbanding soalan pengalaman dan ingatan pada aras rendah. Jelasnya, soalan pada aras rendah hanya memerlukan ingatan dan pengalaman pelajar sebagai jawapan. Sebaliknya soalan-soalan pada aras kognitif tinggi melibatkan pengubahsuaian teks melalui analisis, sintesis, mencari sebab-akibat seterusnya aplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini memperlihatkan kepentingan untuk mendedahkan pelajar dengan keupayaan berfikir pada tahap tinggi serta menguasai kemahiran untuk menangani soalan-soalan tersebut.

Selanjutnya hasil kajian oleh McKenzie (1997) serta Elder dan Paul (1998) telah mendapati wujudnya pertalian antara soalan dengan kemahiran berfikir, di mana soalan dan penyoalan merupakan asas yang mendasari segala bentuk tindakan untuk berfikir dengan berkesan. Classen (1990) menerusi kajiannya telah membuktikan bahawa strategi pengajaran yang memberi kesan mendalam dalam menggerakkan pelajar berfikir adalah soalan-soalan oleh pengajar. Malah tegasnya, tahap pemikiran pelajar dapat memberi sumbangan keselarasan dengan tahap penggunaan soalan pengajar. Duster (1998) pula menegaskan daripada dapatan kajiannya, strategi penyoalan pendidik dan kepelbagaian jenis soalan yang dikemukakan berperanan dalam mencetuskan kreativiti dan pemikiran aras tinggi pelajar-pelajarnya.

Dalam hal ini kajian oleh Brown dan Wragg (1993) juga telah memperlihatkan perkaitan antara soalan dan tugas untuk berfikir. Dapatan daripada kajiannya membuktikan para pendidik menggunakan beratus-ratus soalan

setiap minggu, namun, jenis soalan perlu diberi perhatian kerana beliau mendapati soalan-soalan yang dikemukakan adalah pelbagai, ada yang memerlukan jawapan pendek, dan di sebaliknya, yang memerlukan pelajar-pelajar berfikir pada tahap yang lebih kompleks. Tetapi dalam konteks untuk menggerakkan minda pelajar, pendidik kerap menyoal apa yang telah dipelajari, sebaliknya mengabaikan penyoalan untuk mendapatkan pengetahuan baru. Oleh itu, Mc Kenzie (1997) dalam kajiannya telah menegaskan agar kemahiran penyoalan didedahkan sejak awal perkembangan pelajar supaya asas yang kukuh dibentuk untuk membolehkan pelajar-pelajar menggerakkan pemikiran dengan strategik dan mempunyai kebolehan untuk berfikir dengan berkesan. Malah, situasi ini juga telah ditegaskan dalam kajian oleh Elder dan Paul (1998) supaya kalangan pendidik menggunakan soalan-soalan yang merangsang pemikiran pelajar untuk membolehkan mereka menjana keupayaan berfikir secara berkesan.

Hasil-hasil kajian ini telah membuktikan kenyataan bahawa soalan sebagai asas yang menggerakkan keupayaan berfikir pelajar serta dapat memberi impak mendalam terhadap input dan proses dalam perkembangan kurikulum pendidikan. Tegasnya, dalam proses pengajaran dan pembelajaran soalan berperanan dalam menggerakkan komunikasi bilik darjah dan menjadi perangsang minda pelajar untuk berfikir. Dalam hal ini, pendidik adalah penggerak untuk merangka strategi dan menyalurkan kemahiran bagi menampilkan kepelbagaian bentuk soalan dan penyoalan dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya, malah merentas kurikulum, sebagai matlamat memberi input untuk mengurus serta menggerakkan minda pelajar ke arah menguasai keupayaan berfikir dengan berkesan.

Secara khusus, menerusi kajian kompleksiti soalan dalam bahan-bahan kurikulum bahasa Melayu peringkat menengah atas (Noor Rohana, 1996;2004), dapatan kajian telah memperlihatkan beberapa fenomena nyata berhubung dengan penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan dalam bahan-bahan tersebut khususnya menerusi jenis-jenis petikan teks pemahaman yang berbeza. Fenomena utama yang dikenalpasti adalah ketidakseimbangan peratus penggunaan kategori soalan disebabkan ketiadaan indikator agihan soalan yang khusus untuk diikuti sebagai garis panduan dalam binaan soalan-soalan kefahaman.

Ketiadaan ini telah membawa kepada wujudnya tiga senario berikut:

1. Pertama, bias penggunaan kategori soalan iaitu keadaan di mana setiap kategori soalan menerima jumlah peratus penggunaan yang berbeza-beza dengan tiada had kadar ketetapan. Implikasinya telah membawa kepada longgokan soalan dalam sesuatu kategori soalan sama ada bagi kategori utama iaitu tahap-tahap soalan, subkategori iaitu jensi-jenis soalan mahupun sub-subkategori soalan iaitu aspek-aspek penyoalan serta penggunaan frasa-frasa penyoalan. Senario ini menjelaskan bahawa corak binaan soalan-soalan kefahaman dalam bahan-bahan kurikulum tersebut menggunakan kompleksiti soalan yang terhad. Tumpuan binaan soalan meliputi hanya beberapa tahap soalan bagi penggunaan kategori utama; penggunaan beberapa jenis subkategori soalan; dan tumpuan kepada beberapa aspek penyoalan dan frasa penyoalan sahaja bagi sub-subkategori soalan. Ini menyebabkan ada kategori-kategori tersebut yang mendapat tumpuan utama dan ada yang hanya diberi pendedahan pada kadar minima serta tidak diberikan pendedahan langsung.

Implikasinya, bias penggunaan kategori ini memperlihatkan kelemahan dalam urusan penggunaan taksonomi soalan khususnya bagi petikan teks pemahaman sehingga mewujudkan jurang perbezaan peratus yang begitu ketara di antara kategori-kategori soalan tersebut. Kesannya pelajar-pelajar tidak mendapat pendedahan yang wajar berhubung kepelbagaian kompleksiti soalan, malah operasi pemikiran mereka hanya disogok dan diasuh kepada jenis-jenis soalan yang mendapat tumpuan utama dalam petikan teks yang diberi. Ini menyebabkan manipulasi pemikiran mereka terhad hanya kepada soalan-soalan yang diberi tumpuan sahaja di mana jika pendedahan yang diberikan tertumpu pada tahap kompleksiti soalan yang rendah, akan membentuk pemikiran pelajar pada konteks pemikiran yang tidak mencabar dan tidak kritikal.

Jika ini berterusan, sukar bagi kita untuk memenuhi kehendak pembangunan intelek pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dengan cakupan konteks kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis seperti sasaran

kurikulum pendidikan. Keadaan ini juga akan menjejaskan kualiti input bahan kurikulum tersebut kerana gagal menyediakan pelajar dengan bahan yang merangsang pemikiran kepada kepelbagaian kompleksiti soalan.

2. Kedua, unsur-unsur stereotaip pertanyaan iaitu pengulangan format pertanyaan yang sama bagi penggunaan jenis-jenis soalan, aspek-aspek penyoalan serta frasa-frasa penyoalan bagi setiap latihan merentasi setiap jenis petikan teks pemahaman. Stereotaip pertanyaan memberi implikasi kepada penggunaan skop penyoalan dan frasa pertanyaan yang terhad dalam mengemukakan soalan. Pengulangan ini menjelaskan keadaan tiada kepelbagaian dalam pertanyaan bagi setiap latihan yang diberi.

Keadaan ini memberi kesan negatif kepada pengalaman pembelajaran pelajar juga kepada corak pemikiran mereka yang terhad kepada skop yang sama dan tidak meluas. Pendedahan pelbagai bentuk soalan wajar diberikan kepada pelajar bagi membolehkan landasan pemikiran yang kukuh dibentuk untuk menggerakkan strategi pemikiran secara berkesan dalam menangani dan menjawab pelbagai bentuk pertanyaan.

3. Ketiga, trend penggunaan kategori soalan mengikut jenis petikan teks pemahaman iaitu hanya kategori soalan tertentu sahaja digunakan dalam binaan soalan kefahaman mengikut kesesuaian dengan latar petikan teks pemahaman. Dalam hal ini petikan teks umum yang berlatarkan karya rencana ilmiah didapati tertumpu binaan soalnya dalam kategori soalan tahap literal, inferensi dan penilaian, manakala kategori soalan tahap penghayatan tidak digunakan langsung. Rasionalnya di atas ketidaksesuaian binaan soalan penghayatan bagi teks tersebut.

Sebaliknya bagi petikan teks moden, klasik dan puisi dengan latar karya sastera daripada cerpen, drama, prosa klasik, puisi tradisional dan sajak dengan keutamaan kepada unsur penghayatan teks, kepelbagaian penggunaan kategori soalan lebih meluas diaplikasikan. Cuma unsur-unsur tumpuan dan keutamaan kepada kategori-kategori tertentu masih ketara wujud.

Implikasinya tahap binaan soalan kefahaman bahasa masih terhad dan gagal distruktur

serta digunakan dengan berkesan disebabkan kekangan-kekangan yang menyekat kepelbagaian penggunaannya. Penggunaan kepelbagaian kategori dan kompleksiti soalan bagi setiap jenis petikan teks pemahaman memberi pendedahan terbaik kepada pemikiran pelajar. Tegasnya, di sinilah pengetahuan, amalan dan kreativiti pihak pendidik sebagai pembina soalan diperlukan untuk mengagihkan binaan soalan kepada kepelbagaian kategori tanpa melabelkannya mengikut jenis petikan teks. Kesesuaian kategori dengan jenis petikan teks pemahaman memang perlu diambil kira tetapi kreativiti dalam mempelbagaikan binaan soalan kefahaman kepada pelbagai kategori dapat mengatasi corak binaan soalan-soalan yang wujud dengan trend dan dapat memastikan soalan-soalan kefahaman bahasa lebih mencabar kompleksitinya.

Dapatan daripada pelaksanaan kajian ini secara khususnya telah memperlihatkan aspek kepelbagaian penggunaan aras kognitif soalan dalam bahan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu masih gagal menyediakan minda pelajar ke arah kepelbagaian tahap berfikir malah pemikiran pelajar hanyalah terhad kepada skop pertanyaan yang stereotaip. Input binaan soalan-soalan dalam bahan-bahan kurikulum tersebut masih memerlukan peningkatan ke arah kandungan kepelbagaian penggunaan aras kognitif soalan yang lebih mencabar minda pelajar serta menjamin kualiti input kurikulum ke tahap yang membanggakan.

Justeru, kalangan pihak pemikir, penggubal dan pelaksana input dalam bahan kurikulum baik di peringkat institusi pendidikan, khususnya para pendidik juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang ini seharusnya prihatin dan memberi perhatian serius terhadap fokus aspek ini kerana impaknya memberi kesan ke atas keupayaan berfikir pelajar dan kemantapan kualiti input bahan kurikulum secara khusus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kesedaran dan tindakan proaktif ini bertindak sebagai landasan ke arah meneruskan perjuangan memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ke tahap yang mengekalkan kualiti terbaik terutamanya dalam menangani perkembangan globalisasi pendidikan pada abad ini serta membangunkan aset modal


insan yang berkualiti, berdaya saing lagi mantap pemikirannya.

Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan - Mengurus dan Menjana Keupayaan Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan telah dirancang khusus pembinaannya sebagai satu strategi untuk mengurus dan menjana keupayaan dan kecemerlangan berfikir pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Model ini merupakan satu instrumen senarai semakan kod analisis yang dibina secara khusus sebagai garis panduan untuk membina soalan-soalan yang meliputi kepelbagaian aras kognitif. Penggunaannya juga diaplikasikan untuk meneliti aspek-aspek aras kognitif soalan menerusi binaan soalan-soalan dalam bahan-bahan kurikulum khususnya untuk pendidikan Bahasa Melayu.

Model ini telah dibina berasaskan input teori daripada domain kognitif taksonomi Bloom di samping beberapa model taksonomi soalan lain dengan pengubahsuaian dan pindaan-pindaan mengikut kehendak dan keperluan perkembangan pendidikan bahasa dalam era globalisasi. Model ini juga telah dibentuk dengan peningkatan dan pemantapan input serta ciri-ciri tersendiri. Penghasilan model ini mampu melengkapkan kekurangan dan meningkatkan kekuatan model-model taksonomi soalan yang telah digunakan sebagai panduan. Nyatanya, hasil daripada gabungan tersebut telah mewajarkan penghasilan model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan dengan input yang lebih terperinci, jelas dan lengkap khusus untuk panduan bagi binaan soalan-soalan Bahasa Melayu, malah merentas kurikulum penggunaannya. Lakaran input Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan diperlihatkan dalam Gambar 1.

Pada dasarnya, model ini mengandungi komponen-komponen kategori serta pecahan sub-subkomponen secara spesifik untuk binaan soalan-soalan yang disusun mengikut perkembangan logik dan rasional berasaskan perkembangan kepelbagaian aras kognitif, dari aras rendah kepada aras tinggi yang mencabar pemikiran. Binaan item-item dalam model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan berasaskan struktur organisasi kod pembahagian kepada beberapa komponen utama serta sub-subpecahan komponennya yang lebih khusus berhubung aspek soalan dan



Gambar 1: Lakaran input Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan

penyoalan. Organisasi kod distratifikasikan secara perkembangan berurutan dan berkesinambungan mengikut aras klasifikasi pemikiran dalam soalan-soalan yang dibina, iaitu dari aras pemikiran kognitif rendah dan mudah kepada aras kognitif tinggi yang mencabar pemikiran dan meningkat kesukarannya.

Tegasnya, strategi ini menstrukturkan organisasi kod yang mencirikan pembahagian komponen kategori ke arah penguasaan kemahiran dan pemerolehan perkembangan kualiti berfikir yang mantap dan berkesan, digerakkan dan dirangsang menerusi kepelbagaian aras kognitif soalan yang dibina dari perkembangan pada aras mudah kepada aras yang meningkat kesukarannya. Pemupukan dan pembentukan kognitif pelajar berasaskan pendedahan kepada perkembangan aras kognitif soalan, yakin boleh menyediakan dan melahirkan pelajar yang berkembang potensi inteletiknya kepada tahap pemikiran kreatif dan kritis.

Secara khusus, komponen-komponen item di dalam Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan dicirikan oleh tiga komponen utama iaitu:

1. Kategori Utama
2. Subkategori
3. Sub-Subkategori

Pengelasan kepada komponen-komponen kategori tersebut diasaskan kepada pembahagian klasifikasi soalan mengikut urutan susunan

perkembangan aras kognitif dari komponen kategori soalan yang mudah, meningkat kepada yang mencabar aras kesukarannya. Pengelasan ini juga dirujuk kepada kandungan jenis dan corak soalan dan penyoalan yang telah diperincikan bagi setiap klasifikasi komponen kategori soalan.

Kategori Utama Kod Analisis Aras Kognitif Soalan memaparkan kandungan empat jenis aras klasifikasi soalan iaitu:

- I. Soalan Tahap Literal
- II. Soalan Tahap Inferensi
- III. Soalan Tahap Penilaian
- IV. Soalan Tahap Penghayatan

Setiap Kategori Utama ini mengandungi bahagian-bahagian Subkategori serta Sub-Subkategori yang tersendiri, dicirikan oleh kandungan jenis-jenis dan corak soalan dan penyoalan mengikut perkembangan aras pemikiran yang khusus.

Komponen Subkategori merupakan jenis-jenis soalan yang terkandung di bawah Kategori Utama, mengikut klasifikasi Kategori Utama soalan secara khusus. Penjenisan soalan kepada Subkategori disusun mengikut perkembangan kompleksiti aras kognitif, daripada soalan-soalan yang mudah kepada yang lebih kompleks. Setiap Subkategori mengandungi pecahan komponen Sub-Subkategori masing-masing. Di bawah senarai model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan terkandung tujuh jenis soalan yang dicirikan sebagai Subkategori iaitu:

- a. Soalan Mengecam Mengingat
- b. Soalan Terjemahan
- c. Soalan Aplikasi
- d. Soalan Analisis
- e. Soalan Sintesis
- f. Soalan Penilaian
- g. Soalan Penghayatan

Kompenen Sub-Subkategori memaparkan kepelbagaian corak aspek soalan dan penyoalan yang tersenarai di bawah setiap Subkategori. Sub-Subkategori mencirikan aspek-aspek yang

lebih kecil dan khusus bagi setiap jenis soalan di bawah Subkategori. Skop aspek-aspek soalan dan penyoalan ini memberikan satu ruang lingkup idea-idea pertanyaan yang pastinya akan memudahkan pembinaan soalan-soalan.

Secara keseluruhannya, jadual berikut menjelaskan ringkasan perincian input item-item dalam Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan sebagai panduan dalam binaan soalan-soalan yang pelbagai aras kognitif. Jadual ini menjadi garis panduan asas untuk membina soalan-soalan kefahaman secara khusus, malah aplikasinya juga untuk soalan-soalan merentas bidang kurikulum.

Tabel 1: Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan

Kategori Aras	Kategori Utama	Subkategori	Sub-Subkategori
I.	<p>Soalan Tahap Literal</p> <p>Kriteria soalan: Soalan dengan sumber jawapan yang jelas diperolehi daripada teks.</p>	<p>Soalan Mengecam-Mengingat</p> <p>Fokus soalan: Mengumpul maklumat</p>	<p>Tugasan soalan: Mengecam-Mengingat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • definisi • fakta khusus • peraturan khusus • aliran dan urutan peristiwa • pengelasan dan kategori • kriteria-kriteria • kaedah-kaedah • prinsip dan generalisasi • teori dan struktur • hubungan sebab, akibat dan kesan • tabiat dan perlakuan watak
II.	<p>Soalan Tahap Inferensi</p> <p>Kriteria soalan: Soalan dengan sumber jawapan secara tidak langsung daripada teks. Melibatkan tindakan untuk berfikir dan mencari maklumat melampaui kandungan teks.</p>	<p>Soalan Terjemahan</p> <p>Fokus soalan: Mentafsir maklumat</p>	<p>Tugasan soalan: Menjelaskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • frasa/rangkaian kata • watak • petikan grafik • konteks petikan • petikan teks kepada bentuk komunikasi lain
		<p>Soalan Aplikasi</p> <p>Fokus soalan: Menggunakan maklumat</p>	<p>Tugasan soalan: Menggunakan idea daripada teks untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menjelaskan sesuatu perkara • membuat perbandingan • menjelaskan contoh, bukti, sebab dan alasan terhadap sesuatu kenyataan • menyelesaikan masalah

Kategori Aras	Kategori Utama	Subkategori	Sub-Subkategori
II.		Soalan Analisis Fokus soalan: Mencerakinkan maklumat	Tugas soalan: Menganalisis bahan teks untuk: <ul style="list-style-type: none"> • menjelaskan maklumat tertentu • menjelaskan peristiwa • menjelaskan hubungan sebab, akibat dan kesan • melihat perbandingan • menyatakan contoh, alasan dan bukti-bukti • merumuskan pendirian dan pendapat pengarang • menjelaskan perkara yang mungkin berlaku
		Soalan Sintesis Fokus soalan: Menggabungkan maklumat	Tugas soalan: Menggabungkan idea daripada teks untuk: <ul style="list-style-type: none"> • memberi pandangan dan pendapat bagi menyelesaikan masalah • menghasilkan rumusan dan kesimpulan • memberikan contoh, bukti, sebab dan alasan • menghasilkan ramalan, andaian dan jangkaan • menghasilkan karya kreatif
III.	Soalan Tahap Penilaian Kriteria soalan: Soalan dengan maklumat jawapan di luar kandungan teks. Melibatkan tindakan untuk berfikir, menilai dan memberi pandangan serta alasan yang wajar berhubung isu yang dibangkitkan	Soalan Penilaian Fokus soalan: Menilai maklumat	Tugas soalan: Menilai, mengulas dan memberi pandangan: <ul style="list-style-type: none"> • terhadap fakta dan idea daripada isi-isi dalam teks • terhadap pendapat berhubung sesuatu isu daripada teks
IV.	Soalan Tahap Penghayatan Kriteria soalan: Soalan dengan maklumat jawapan di luar kandungan teks. Melibatkan tindakan untuk menghayati teks, memberi reaksi, menyatakan pandangan serta alasan yang wajar berhubung isu daripada teks.	Soalan Penghayatan Fokus soalan: Menghayati teks	Tugas soalan: Menghayati bahan teks serta: <ul style="list-style-type: none"> • memberi reaksi dari sudut watak dan perwatakan • memberi reaksi terhadap sesuatu peristiwa • menilai dan mengulas fakta, idea dan nilai-nilai murni • menilai dan mengulas teknik-teknik kesusasteraan

Implikasi Penggunaan Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Aplikasi penggunaan Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan amat disaran penggunaannya kepada para pendidik bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Secara khusus implementasi model ini memberi jaminan kepada perkara-perkara berikut:

1. Pemantapan dan pengukuhan ilmu dalam binaan soalan-soalan yang berkesan secara khusus dalam bidang tugas Bahasa Melayu mahupun merentas kurikulum.
2. Meningkatkan serta memantapkan keupayaan untuk merancang, mengurus dan mengimplementasi pengetahuan dalam konteks membina soalan-soalan Bahasa Melayu yang berkualiti bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa serta bahan-bahan kurikulum.
3. Mengenal pasti dengan jelas aspek-aspek serta komponen-komponen kategori soalan dan berupaya untuk membina soalan-soalan bagi setiap kategori dalam pelbagai aspek penyolaan.
4. Berupaya untuk mengurus serta menyelaraskan binaan soalan-soalan dengan baik dan mengelak daripada belakunya bias, stereotaip serta pengulangan pertanyaan.
5. Mendedah, melatih, membimbing dan membentuk landasan serta operasi pemikiran yang kukuh bagi pelajar-pelajar untuk berfikir dan memanipulasikan pemikiran pada pelbagai aras kognitif.
6. Mampu untuk merangsang pemikiran serta menghasilkan pelajar-pelajar yang berupaya untuk memahami setiap tugas soalan serta memberikan jawapan yang menepati fokus pertanyaan.
7. Memahami tugas untuk mengembangkan potensi intelek pelajar selaras dengan keperluan pembangunan modal insan ke tahap kecemerlangan berfikir dengan menggunakan bahasa sebagai sarana untuk menyampaikan maklumat juga mempamerkan keberkesanan berfikir pada kepelbagaian aras kognitif.

Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam implementasi kurikulum pendidikan

negara memikul amanah untuk mengembangkan potensi intelek pelajar ke tahap kecemerlangan dalam konteks pembangunan modal insan negara. Justeru, pendidik bahasa sewajarnya mempunyai strategi yang jelas sebagai pelaksana kurikulum untuk menangani keperluan globalisasi pendidikan ketika ini khususnya dalam melahirkan pelajar-pelajar bahasa yang seharusnya berkeupayaan untuk menguasai kemahiran bahasa dan mantap berbahasa. Malah pelajar-pelajar juga seharusnya telah dapat dibentuk untuk menyerlahkan potensi kecemerlangan berfikir dengan berkesan menggunakan keupayaan berbahasa sebagai wahana menyalurkan keberkesanan pemikiran dan ketrampilan berbahasa.

Bagi membantu memenuhi keperluan tugas dan tanggungjawab ini, keupayaan dan kebijaksanaan kalangan pendidik bahasa meningkatkan paradigma stereotaip peranan sebagai penyampai maklumat bidang mata pelajaran secara khusus kepada tindakan sebagai perancang dan pengurus bidang mata pelajaran akan menambah baik prestasi pendidik bahasa dalam menangani pendidikan pada era globalisasi kini. Ini kerana pendidik bahasa perlu global pemikirannya selaras dengan perkembangan zaman dan berpotensi untuk melahirkan pelajar-pelajar bahasa yang tergabungjalin keupayaan berbahasa dengan kecemerlangan berfikir. Ini memberi jaminan kepada misi dan visi negara untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang keupayaannya dalam pelbagai bidang dan kebolehan.

Justeru, fokus kepada saranan ke arah peningkatan keupayaan berfikir pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa seharusnya dimanfaatkan. Paparan penggunaan Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan adalah hasil daripada penyelidikan ilmiah yang dapat membantu kalangan pendidik bahasa Melayu mencapai prestasi penyampaian ilmu dengan mantap dan berkesan. Globalisasi pendidikan dalam era terkini seharusnya menerjah minda dan peranan kita sebagai pendidik untuk turut serta mencapai tahap globalisasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Tugas dan peranan sebagai penyampai ilmu bahasa semata-mata seharusnya dijuduhkan malah dalam menangani kemajuan pendidikan pada hari ini, pendidik bahasa Melayu khususnya harus berupaya untuk menjadi perancang dan pengurus kepada tugas dan tanggungjawab untuk memperkasakan bahasa serta meningkatkan

keupayaan berfikir pelajar ke arah ketrampilan berfikir dan berbahasa. Saranannya, untuk rujukan dan bacaan meluas boleh diperolehi daripada penerbitan buku Aras Kognitif Soalan.

Daftar Pustaka

- Bloom, B.S. 1956. *Taxonomy of educational objectives: Cognitive domain*. New York: Mc Kay.
- Brown, G. & Wragg, E.C. 1993. *Questioning*. Routledge: London.
- Classen, D.R. & Bonk, C. 1990. *Teachers tackle thinking*. Madison, Wis: Madison Education Extension Program.
- Cole, R.A. & Williams, D.M. 1973. "Pupil responses to teacher's question: Cognitive level, length and syntaxm." dalam *Educational Leadership*, 31, 142-145.
- De La Cruz, L.D. 1971. "An analysis of Philipine Social Studies textbooks." dalam *Dissertation Abstracts International*, 32 (1), 665-A.
- Dillon, J.T. 1981. "Duration of response to teacher's questions and statements." dalam *Contemporary Educational Psychology*, 6, 1-11.
- Duster, S. 1998. "Classroom questioning: How teachers use it to promote creativity and higher level thinking." dalam *Dissertation Abstracts International*, 36 (1), 19.
- Elder, L. & Paul, R.W. 1998. "The role of socratic questioning in thinking, teaching and learning." dalam *The Clearing House*, Vol. 71 (5), 297-301.
- Guszak, F.J. 1967. "Teacher questioning and reading." dalam *The Reading Teacher*, 21, 227-234.
- Marohaini Yusoff. 1989. *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari, Sdn. Bhd.
- McKenzie, G.R. 1972. "Some effects of frequent quizzes on inferential thinking." dalam *American Educational Research Journal*, 9 (2), 231-240.
- McKenzie, J. 1997. "A questioning toolkit." dalam *The Educational Technology Journal*, 7 (3), November-December.
- Noor Rohana Mansor. 1996. *Analisis soalan kefahaman dalam buku kerja Bahasa Melayu peringkat menengah atas*. Disertasi sarjana pendidikan tak bercetak, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Rohana Mansor. 1997. *Analisis soalan kefahaman kertas ujian Bahasa Melayu tahun enam sekolah rendah di negeri Terengganu: Hala tuju UPSR*. Kertas Kerja Wacana Pendidikan Ke-4, Maktab Perguruan Pasir Panjang: Kuala Terengganu.
- Noor Rohana Mansor. 2004. *Analisis soalan dalam bahan kurikulum Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Rohana Mansor. 2007. *Aras Kognitif Soalan*. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu. Kuala Terengganu.
- Rawadieh, S.M. 1998. *An analysis of the cognitive levels of questions in Jordanian secondary Social Studies textbooks according to Bloom's taxonomy*. Dissertations Abstracts International, 59 (4), 1060-A.
- Ruddell, R.B. 1974. *Reading-language instruction: Innovative practices*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Sanders, N.M. 1966. *Classroom question: What kinds?* New York: Harper and Row.
- Smith, C.T. 1978. "Evaluating answers to comprehension questions." dalam *The Reading Teacher*, 31, 896-900.
- Wan Zahid Mohd. Noordin. 1997. "Gerak gempur minda." dalam *Berita Harian*, April. Kuala Lumpur.
- White, J. & Lightbown, P.M. 1984. "Asking and answering dalam ESL classes." in *Canadian Modern Language Review*, 40, 228-244.
- Wilson, I.A. 1973. "Changes in mean levels of thinking in grades 1-8 through use of an interaction system based on Bloom's taxonomy." dalam *Journal of Educational Research*, 66, 13-50.